

22/01/2001

Jepun iktiraf cara Malaysia selesai masalah kegawatan

Karim Sulaiman

JEPUN bangun selepas kemusnahan dalam Perang Dunia Kedua. Negara itu bangkit dengan semangat juang tinggi sehingga menjadi bangsa dihormati dan kuasa ekonomi kedua dunia.

Nilai yang ada pada Jepun itu menjadi inspirasi kepada Malaysia untuk menjadikan negara di Asia Timur, terutama Jepun sebagai model melalui Dasar Pandang Ke Timur pada awal 1980-an. Jepun adalah contoh berguna untuk pembangunan negara.

Banyak faedah diperoleh Malaysia melalui dasar itu, terutama dalam pemindahan teknologi tinggi. Negara mampu melahirkan pekerja mahir melalui pemindahan teknologi Jepun.

Bagaimanapun, ketika Malaysia `memandang ke Timur', Jepun pula `memandang ke Barat'.

Jepun sebenarnya mula meniru Barat sejak zaman Meiji lagi. Mereka meniru cara berpakaian Barat. Mereka kemudian meniru cara pembuatan barang Barat dan mengubah suai, membaiki dan meningkatkan apa yang dipelajari. Apa yang dilakukan mereka berjaya apabila Jepun menghasilkan barang berteknologi tinggi melalui penyelidikannya. Barang buatan Jepun menguasai pasaran dunia kerana bermutu tinggi dengan harga lebih murah berbanding barang Barat.

Dalam tempoh sedekad lalu, keadaan di Jepun berbeza apabila gagal untuk memulihkan keadaan ekonominya dan keluar daripada inflasi. Jepun walaupun masih menjadi antara kuasa ekonomi dunia, kedudukannya tidak segemilang dulu.

Keadaan ekonomi di Jepun, sebenarnya membimbangkan Asia, khususnya Asia Timur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucap tama pada Simposium Antarabangsa Bangkitlah Kansai anjuran Kumpulan Akhbar Mainichi di Osaka, Jepun, minggu lalu, secara terus terang berkata, masalah yang berlaku di Jepun sekarang kerana mereka terlalu meniru Barat.

Padangan Dr Mahathir mendapat tempat di sebuah akhbar Jepun dengan tajuk Mahathir Blasts Japan's Westernization pada keesokannya.

Menurutnya, Asia Timur terutama Jepun perlu bergerak dengan formula sendiri, tanpa terlalu terikat dan meniru idea dan konsep Barat bagi mengembalikan kegemilangan pertumbuhan ekonomi di rantau itu.

"Asia Timur begitu bimbang dengan keadaan ekonomi Jepun. Jepun menjadi model Malaysia. Negara lain di Asia mungkin tidak mengakui hakikat ini, tetapi mereka juga menggunakan Jepun sebagai model dalam pembangunan mereka.

"Kita begitu bimbang dengan kegagalan Jepun kerana lebih sedekad lalu tidak berjaya mengeluarkan negaranya daripada inflasi.

"Kita lebih sedih apabila Jepun lebih menghargai hubungannya dengan Barat berbanding Asia, dalam keadaan tertentu.

"Jepun sekarang cuba meniru 100 peratus Barat. Jepun membuang amalan lama mereka dan lebih gemar dengan cara Barat dalam politik, ekonomi dan pengurusan kewangan mereka.

"Masalah ekonomi Jepun sekarang disebabkan mahu mengikut amalan dan norma Barat.

"Kerosakannya mungkin tidak terlalu besar jika proses itu dilakukan secara berperingkat, tetapi Jepun mahu melakukannya dalam sekelip mata," katanya.

Pandangan Perdana Menteri itu diterima baik oleh masyarakat perniagaan

Jepun dan pandangan Kerajaan Jepun mungkin berbeza.

"Bagaimanapun, secara keseluruhannya mereka mahu mendengar (pandangan itu). Sama ada mereka mahu menerimanya atau tidak, itu persoalan lain. Orang lain langsung tidak mahu mendengarnya," katanya.

Perdana Menteri berada di wilayah Kansai, Jepun untuk lawatan kerja selama empat hari mulai 18 Januari lalu. Kansai yang meliputi Osaka, Kyoto, Shiga, Nara, Wakayama dan Hyoto adalah wilayah yang pesat membangun, terutama dalam industri berteknologi tinggi.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir turut melancarkan dua buku tulisannya yang diterbitkan oleh Kumpulan Akhbar Mainichi, Jepun. Buku itu berjudul Reflections Of Asia dalam bahasa Inggeris dan Message To Japan (bahasa Jepun).

Beliau juga melawat kilang membuat panel LCD, Sharp di Nara dan universiti multimedia, Universiti Elektro-Komunikasi Osaka.

Dengan melihat perkembangan di Jepun sekarang, timbul pula persoalan sama ada Dasar Pandang Ke Timur yang dilaksanakan kerajaan sekarang masih relevan. Apakah Jepun, masih menjadi model kepada pembangunan Malaysia kerana dalam bidang tertentu, Malaysia dilihat lebih baik daripada Jepun? Dr Mahathir menjelaskan, dasar itu masih relevan kerana banyak lagi nilai murni dan baik yang boleh dipelajari daripada Jepun.

Perdana Menteri berkata, banyak lagi perkara baik yang boleh dipelajari rakyat Malaysia daripada kerajinan, ketekunan, kecekapan dan semangat orang Jepun bekerja.

"Kita sedar ketika kita mahu `memandang ke Timur', Jepun pula mahu `memandang ke Barat'. Jepun menghadapi masalah dan gagal memulihkan ekonominya kerana terlalu mahu meniru Barat, dari segi politik, ekonomi atau pentadbiran kewangan.

"Jepun perlu kembali ke pangkal jalan dan mentadbir negaranya mengikut cara lamanya jika mahu pulih.

"Bagaimanapun, apa yang berlaku di Jepun sekarang, tidak bermakna Dasar Pandang Ke Timur tidak lagi relevan kepada Malaysia.

"Dasar itu masih relevan kerana banyak budaya dan nilai baik Jepun yang perlu kita pelajari," katanya.

Sebenarnya, banyak lagi nilai dan perkara yang perlu dan boleh dipelajari oleh rakyat Malaysia daripada Jepun.

Jepun mempunyai teknologi tinggi yang tiada di negara lain. Negara ini mendahului negara lain dalam banyak penciptaan teknologi dan barang berteknologi tinggi.

Sehubungan itu, Jepun masih dilihat sebagai model Malaysia bagi mendapatkan ilmu dan maklumat mengenai teknologi tinggi.

Nilai murni rakyat Jepun, seperti berbudi bahasa, amanah, bersemangat dan bekerja keras mesti dicontohi rakyat Malaysia untuk menjadi bangsa yang maju dan dihormati.

Pada masa Malaysia berasaskan Jepun sebagai model pembangunannya, ada pihak di Jepun pula mahukan pentadbiran negara itu melihat ke Malaysia.

Golongan itu melihat bahawa Jepun perlu mempelajari kejayaan Malaysia dalam mentadbir negara, terutama ketika berjaya memulihkan ekonomi ketika mengalami kegawatan hampir empat tahun lalu.

Pembangunan bersepadu dan terancang negara, menyebabkan ada pihak di Jepun mahukan supaya negara itu mempelajari cara Malaysia mencapai kejayaan cemerlang dalam pembangunannya.

Keadaan itu, berbeza di Jepun apabila kebanyakan inisiatif pembangunan datang daripada pihak industri sendiri berbanding kerajaan.

Gabenor Tokyo, Shintara Ishihara, dalam satu program khas bertemakan Masa Depan Asia Pada Abad ke-21 yang disiarkan Fuji TV, berkata sudah tiba masanya Jepun mempelajari kejayaan Malaysia.

Menurutnya, pembangunan pesat Malaysia disebabkan pemimpinnya tidak

mengikut atau meniru cara orang lain dalam mentadbir negara.

"Malaysia berjaya dalam memulihkan eknominya ketika kegawatan dunia tanpa bergantung kepada orang lain. Apa yang Malaysia lakukan itu terbukti berkesan dan diiktiraf oleh orang lain.

"Kita (Jepun) perlu mempelajari dari Malaysia pula," katanya dalam program yang turut disertai Dr Mahathir.

Pengiktirafan itu menunjukkan bahawa cara Malaysia mentadbir dan menyelesaikan masalah mengikut caranya sendiri adalah berkesan dan berjaya. Cara Malaysia itu dicontohi dan bakal diikuti banyak negara lain.

(END)